

**KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN APLIKASI
KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM KAJIAN HUKUM SYARIAH:
ANALISIS BERDASARKAN *THEORY OF PLANNED BEHAVIOR***

***STUDENTS' READINESS FOR THE USE OF ARTIFICIAL
INTELLIGENCE (AI) APPLICATIONS IN SHARIAH LAW STUDIES:
AN ANALYSIS BASED ON THE THEORY OF PLANNED BEHAVIOR***

Roslina Hashim*

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

Norizan Samri

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,
Batu 28, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: roslina@unimel.edu.my*

Article History:

Received : 26 August 2025

Accepted : 14 November 2025

Published : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Hashim, R. & Samri, N. (2025). Kesiediaan Pelajar Terhadap Penggunaan Aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Kajian Hukum Syariah: Analisis Berdasarkan Theory Of Planned Behavior. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 190-204.

ABSTRAK

Perkembangan pesat kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) telah memberi impak signifikan terhadap landskap pendidikan tinggi, termasuk dalam bidang pengajian Islam dan kajian hukum Syariah. Walaupun aplikasi AI semakin meluas digunakan sebagai alat sokongan pembelajaran, isu berkaitan kesiediaan pelajar, aspek etika, serta kesesuaian penggunaan AI menurut perspektif Syariah masih memerlukan penelitian empirikal. Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai tahap kesiediaan pelajar pengajian Islam terhadap penggunaan aplikasi kecerdasan buatan dalam kajian hukum Syariah dengan menggunakan kerangka *Theory of Planned Behavior* (TPB). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif melibatkan 80 orang pelajar Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka. Instrumen soal selidik dibangunkan berasaskan tiga konstruk utama TPB, iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan, dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesiediaan pelajar terhadap penggunaan AI berada pada tahap tinggi, dengan sikap positif terhadap manfaat AI, pengaruh sosial yang signifikan, serta tahap

keyakinan sendiri yang baik dalam mengawal penggunaan AI secara beretika dan selaras dengan prinsip Syariah. Walau bagaimanapun, kajian ini turut menekankan keperluan kepada bimbingan berterusan, latihan literasi digital dan garis panduan etika bagi memastikan penggunaan AI tidak menjejaskan integriti keilmuan Islam. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar dan amalan penggunaan AI secara beretika dalam pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: kecerdasan buatan, pengajian islam, hukum syariah, theory of planned behavior, kesediaan pelajar

ABSTRACT

The rapid advancement of Artificial Intelligence (AI) has significantly transformed the landscape of higher education, including the field of Islamic studies and Shariah legal research. Despite the growing use of AI applications as learning support tools, issues related to students' readiness, ethical considerations, and Shariah compliance remain underexplored from an empirical perspective. Therefore, this study aims to examine the level of readiness among Islamic studies students in using AI applications for Shariah legal research, guided by the Theory of Planned Behavior (TPB). Employing a quantitative descriptive survey approach, data were collected from 80 students of the Faculty of Islamic Knowledge, Universiti Islam Melaka. A structured questionnaire based on the three main TPB constructs—attitude, subjective norm, and perceived behavioral control—was utilized, and the data were analyzed using descriptive statistics. The findings indicate a high level of student readiness toward the use of AI, characterized by positive attitudes toward its benefits, significant social influence, and strong perceived control over ethical and Shariah-compliant usage. Nevertheless, the study highlights the necessity for continuous guidance, digital literacy training, and clear ethical frameworks to ensure that AI serves as a supportive tool rather than an authoritative source in Shariah scholarship. This study is expected to contribute to policy formulation and best practices for the ethical integration of AI in Islamic higher education.

Keywords: artificial intelligence, Islamic studies, shariah law, theory of planned behavior, student readiness

1.0 PENGENALAN

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) telah membawa perubahan signifikan dalam landskap pendidikan tinggi, termasuk dalam bidang pengajian Islam dan kajian hukum Syariah. Aplikasi AI seperti *ChatGPT*, *Google Gemini* dan *Perplexity AI* kini digunakan secara meluas oleh pelajar sebagai alat sokongan pembelajaran, khususnya dalam pencarian maklumat, pemahaman teks fiqh serta analisis isu-isu hukum semasa. Penggunaan teknologi ini berpotensi meningkatkan kecekapan pembelajaran dan mempercepatkan proses penyelidikan akademik.

Namun demikian, integrasi AI dalam kajian hukum Syariah menimbulkan persoalan penting berkaitan kesediaan pelajar, kesahihan sumber rujukan, serta aspek etika dan adab keilmuan Islam. AI tidak memiliki autoriti ijtihad dan tidak boleh menggantikan peranan ulama, fuqaha atau pensyarah sebagai sumber rujukan utama hukum Syariah. Oleh itu, penggunaan AI dalam konteks ini perlu dinilai secara kritikal dan berlandaskan prinsip Syariah agar tidak menjejaskan integriti keilmuan Islam.

Walaupun perbincangan mengenai AI dalam pendidikan semakin berkembang, kajian empirikal yang menilai tahap kesediaan pelajar pengajian Islam menggunakan aplikasi AI dalam kajian hukum Syariah masih terhad, khususnya dalam konteks institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia. Kebanyakan kajian sedia ada lebih tertumpu kepada aspek teknikal dan penerimaan teknologi secara umum, tanpa memberi penekanan terhadap dimensi nilai, etika dan kawalan tingkah laku yang selari dengan disiplin Syariah.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai tahap kesediaan pelajar pengajian Islam terhadap penggunaan aplikasi kecerdasan buatan dalam kajian hukum Syariah dengan menggunakan Theory of Planned Behavior (TPB) sebagai kerangka teori. TPB dipilih kerana keupayaannya menjelaskan tingkah laku individu berdasarkan interaksi antara sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang penerimaan teknologi AI dalam pendidikan Islam serta memberikan implikasi praktikal kepada institusi pengajian tinggi dalam merangka penggunaan AI secara beretika dan bertanggungjawab.

2.0 SOROTAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORI

Terdapat kajian-kajian terdahulu yang membincangkan penggunaan kecerdasan buatan khususnya dalam bidang pendidikan.

2.1 Penggunaan Kecerdasan Buatan Dalam Pendidikan

Kecerdasan buatan merujuk kepada teknologi yang membolehkan sistem komputer meniru keupayaan kognitif manusia seperti berfikir, menganalisis dan membuat keputusan. Berdasarkan kepada konteks pendidikan, AI digunakan sebagai alat sokongan pembelajaran yang membantu pelajar mengakses maklumat, menjalankan analisis dan meningkatkan kefahaman konsep secara lebih sistematik. Selain itu, AI dianggap sebagai alat sokongan yang berupaya mengubah peranan guru tanpa menggantikannya, serta menggalakkan kolaborasi antara manusia dan teknologi bagi meningkatkan kualiti. (Shaharudin Ismail et.al., 2025)

Kajian oleh Tengku Fatin Nabilah & Hafizhah Zulkifli (2025) mendapati bahawa walaupun AI berpotensi mempertingkatkan keberkesanan dan interaktiviti dalam pengajaran, namun pelaksanaannya masih berdepan pelbagai kekangan seperti tahap literasi teknologi guru, kesesuaian kandungan AI dengan nilai Islam, serta masih terdapat kekurangan garis panduan rasmi. Di samping itu, dapatan oleh Fatin Nabila et.al., (2025) menunjukkan semua responden dalam kalangan pelajar universiti pernah menggunakan AI dalam pembelajaran, dimana ChatGPT menjadi alat paling popular. Pelajar mengakui bahawa AI membantu meningkatkan

pemahaman konsep, mempercepat penulisan tugas, dan memperluas akses kepada sumber. Walaupun AI dapat membantu dalam pembelajaran, namun terdapat kebimbangan terhadap kemerosotan kemahiran berfikir kritis, isu plagiarisme, dan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap teknologi. Menurut Muhammad Hazim et.al., (2025), AI seharusnya berperanan sebagai alat sokongan sekunder dalam kajian tafsir dan bukan sebagai mufassir atau autoriti utama. Penggunaan AI tanpa kawalan berisiko menjejaskan kefahaman agama serta melemahkan keabsahan tradisi keilmuan Islam.

2.2 Theory Of Planned Behavior (TPB)

Theory of Planned Behavior yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) menjelaskan bahawa niat seseorang untuk melakukan sesuatu tingkah laku dipengaruhi oleh tiga konstruk utama, iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Sikap merujuk kepada penilaian individu terhadap sesuatu tingkah laku, sama ada positif atau negatif. Kajian oleh Teo (2011) menunjukkan bahawa sikap positif terhadap teknologi pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat penggunaannya dalam kalangan pelajar universiti. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Ibrahim dan Ariffin (2019) yang mendapati bahawa pelajar yang menilai teknologi sebagai bermanfaat serta relevan dengan proses pembelajaran cenderung memiliki tahap kesediaan yang lebih tinggi untuk menggunakannya.

Norma subjektif pula merujuk kepada pengaruh sosial yang dirasakan daripada individu atau kumpulan signifikan seperti rakan dan pensyarah. Dalam konteks pendidikan Islam, norma subjektif memainkan peranan yang lebih kritikal kerana pelajar cenderung merujuk kepada autoriti agama dan institusi pendidikan Islam dalam menentukan kesesuaian sesuatu inovasi. Kajian oleh Venkatesh et al. (2003) menunjukkan bahawa sokongan sosial, terutamanya daripada pensyarah dan rakan sebaya, mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penerimaan teknologi dalam kalangan pelajar.

Kawalan tingkah laku yang dirasakan merujuk kepada tahap keyakinan individu terhadap keupayaannya melaksanakan sesuatu tingkah laku. Kajian oleh Chen et al. (2023) turut mengesahkan bahawa literasi digital dan akses kepada teknologi merupakan peramal signifikan kepada niat penggunaan AI dalam pendidikan tinggi.

Dalam kajian ini, TPB diaplikasikan untuk memahami kesediaan pelajar pengajian Islam menggunakan aplikasi kecerdasan buatan (AI) sebagai alat bantu dalam kajian hukum Syariah.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif bagi menilai tahap kesediaan pelajar pengajian Islam terhadap penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam kajian hukum Syariah. Reka bentuk ini dipilih kerana sesuai untuk menggambarkan persepsi, sikap dan kecenderungan responden terhadap sesuatu fenomena berdasarkan data empirikal yang dikumpul secara sistematik.

3.1 Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), yang mengikuti program pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda. Sampel kajian melibatkan 80 orang responden yang dipilih secara rawak, selaras dengan peraturan am kajian deskriptif yang mencadangkan saiz sampel antara 10 hingga 20 peratus daripada populasi bagi tujuan penerangan dan gambaran umum.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ialah borang soal selidik berstruktur yang dibangunkan berasaskan *Theory of Planned Behavior (TPB)*. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama, iaitu maklumat demografi responden, sikap terhadap penggunaan AI, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku yang dirasakan. Semua item diukur menggunakan skala Likert lima mata, daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”.

Pembinaan item soal selidik dibuat dengan mengambil kira kesesuaian konteks pendidikan Islam dan kajian hukum Syariah, khususnya dari sudut etika penggunaan teknologi dan tanggungjawab akademik pelajar.

3.3 Prosedur Pengumpulan Dan Analisis Data

Pengumpulan data dilakukan secara dalam talian menggunakan platform *Google Form* bagi memudahkan capaian responden. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* bagi menghasilkan statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai. Tafsiran tahap min berpandukan julat yang disarankan oleh Chua (2014), iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi, bagi menilai kesediaan pelajar terhadap penggunaan AI.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis statistik deskriptif terhadap maklumat demografi responden dan konstruk utama TPB, iaitu sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan.

4.1 Profil Responden

Responden kajian terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dengan majoriti berumur antara 21 hingga 23 tahun. Mereka mewakili pelbagai program pengajian peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di Fakulti Keilmuan Islam. Kepelbagaian latar belakang responden memberikan gambaran yang seimbang terhadap tahap kesediaan pelajar dalam menggunakan aplikasi AI dalam kajian hukum Syariah.

4.2 Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Ai

Jadual 1: Tahap sikap terhadap penggunaan AI

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya percaya penggunaan AI dapat membantu saya memahami hukum syariah lebih baik.	3.46	0.91	sederhana
Menggunakan aplikasi AI menjadikan proses pencarian maklumat hukum lebih cepat dan mudah.	3.81	0.78	Tinggi
Aplikasi AI mampu meningkatkan kualiti tugas dan kajian saya.	3.91	0.77	Tinggi
Saya berasa seronok menggunakan AI dalam mencari maklumat hukum syariah	3.38	1.00	Sederhana
Saya berpendapat penggunaan AI dalam dunia akademik masa kini adalah selaras dengan perkembangan teknologi semasa.	4.09	0.68	Tinggi
Saya percaya penggunaan aplikasi AI tidak bercanggah dengan prinsip Islam apabila digunakan secara betul.	3.98	0.80	Tinggi
Purata Keseluruhan	3.77	0.82	Tinggi

Analisis menunjukkan bahawa pelajar mempunyai sikap positif terhadap penggunaan aplikasi AI dalam kajian hukum Syariah. Majoriti responden bersetuju bahawa AI membantu mempercepatkan pencarian maklumat, meningkatkan kefahaman konsep hukum dan memudahkan analisis isu-isu fiqh semasa. Skor min yang tinggi bagi konstruk sikap menunjukkan bahawa pelajar melihat AI sebagai alat bantu pembelajaran yang berpotensi memberi manfaat kepada pengajian Syariah.

4.3 Norma Subjektif

Jadual 2: Tahap norma subjektif

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pensyarah saya menggalakkan penggunaan AI dalam tugas atau kajian hukum syariah.	3.31	1.00	Sederhana
Rakan-rakan saya berpendapat penggunaan AI dalam bidang pengajian Islam membantu dalam proses pembelajaran.	3.99	0.8	Tinggi
Saya berasa masyarakat Islam kini perlu bersedia menerima penggunaan AI dalam	3.2	1.05	Sederhana

mencari hukum yang berkaitan.			
Saya berasa terpengaruh dengan rakan tentang penggunaan AI dalam pembelajaran.	3.7	0.98	Tinggi
Saya berasa lebih yakin menggunakan AI apabila orang lain turut menggunakannya.	3.62	1.05	Sederhana
Ulama atau institusi agama perlu memainkan peranan dalam mengawal penggunaan AI dalam fatwa.	4.25	0.91	Tinggi
Purata Keseluruhan	3.70	0.95	Tinggi

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa norma subjektif berada pada tahap tinggi. Sokongan daripada rakan sebaya dan pensyarah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesediaan pelajar menggunakan AI. Pelajar cenderung menggunakan teknologi ini apabila wujud galakan dalam persekitaran akademik dan apabila penggunaan AI dianggap diterima dalam konteks pembelajaran.

4.4 Kawalan Tingkah Laku Yang Dirasakan

Jadual 3: Tahap kawalan tingkah laku

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Saya mempunyai kemahiran untuk menggunakan aplikasi AI dengan berkesan.	3.94	0.72	Tinggi
Saya mampu menilai ketepatan maklumat yang diberikan oleh AI.	3.7	0.96	Tinggi
Saya tahu bagaimana untuk menggunakan AI secara beretika.	4.14	0.81	Tinggi
Saya mempunyai akses mudah kepada platform AI.	3.9	0.83	Tinggi
Saya tidak menghadapi kesukaran untuk menggunakan aplikasi AI dalam kajian hukum.	3.69	0.92	Tinggi
Saya yakin boleh mengawal cara penggunaan AI supaya tidak menyalahi hukum Syariah.	4.03	0.86	Tinggi
Purata Keseluruhan	3.88	0.82	Tinggi

Bagi konstruk kawalan tingkah laku, dapatan menunjukkan tahap tinggi. Walaupun pelajar berasa yakin menggunakan aplikasi AI, sebahagian daripada mereka menyatakan keperluan terhadap latihan tambahan dan bimbingan etika. Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan pelajar bukan sahaja bergantung kepada akses teknologi, tetapi juga kepada tahap kemahiran, literasi digital dan pemahaman terhadap batasan Syariah dalam penggunaan AI.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan menilai tahap kesediaan pelajar pengajian Islam terhadap penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam kajian hukum Syariah berdasarkan kerangka *Theory of Planned Behavior (TPB)*. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kesediaan yang positif dan memberangsangkan, selari dengan jangkaan teori TPB yang menegaskan bahawa sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan mempengaruhi niat serta tingkah laku sebenar individu.

Dari aspek sikap, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menilai penggunaan AI secara positif, khususnya sebagai alat bantu pembelajaran yang memudahkan pencarian maklumat dan pemahaman isu hukum Syariah. Sikap positif ini mencerminkan persepsi pelajar terhadap manfaat AI dalam meningkatkan kecekapan akademik, selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa persepsi kegunaan teknologi merupakan faktor penting dalam penerimaannya. Dalam konteks pengajian Islam, sikap positif ini menunjukkan keterbukaan pelajar terhadap inovasi teknologi selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

Bagi norma subjektif, dapatan kajian mengesahkan bahawa pengaruh sosial memainkan peranan signifikan dalam membentuk kesediaan pelajar menggunakan AI. Sokongan daripada rakan sebaya dan pensyarah didapati meningkatkan keyakinan pelajar untuk menggunakan aplikasi AI dalam kajian hukum Syariah. Hal ini menyokong pandangan TPB bahawa individu lebih cenderung melakukan sesuatu tingkah laku apabila mereka merasakan tingkah laku tersebut diterima dan digalakkan oleh persekitaran sosial yang signifikan. Dalam konteks pendidikan Islam, peranan pensyarah sebagai pembimbing ilmiah dan autoriti akademik amat penting dalam menentukan hala tuju penggunaan teknologi oleh pelajar.

Dari sudut kawalan tingkah laku yang dirasakan, kajian ini mendapati bahawa walaupun pelajar menunjukkan tahap keyakinan yang baik dalam menggunakan AI, masih wujud keperluan terhadap latihan teknikal dan bimbingan etika. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesediaan pelajar bukan sahaja bergantung kepada sikap dan sokongan sosial, tetapi juga kepada keupayaan sendiri serta kefahaman terhadap batasan penggunaan AI menurut perspektif Syariah. Dapatan ini selari dengan penegasan TPB bahawa kawalan tingkah laku yang dirasakan boleh menjadi faktor penggalak atau penghalang kepada pelaksanaan sesuatu tingkah laku.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini mengukuhkan kesesuaian TPB sebagai kerangka teori untuk memahami kesediaan pelajar pengajian Islam terhadap penggunaan AI dalam kajian hukum Syariah. Kajian ini juga menegaskan bahawa penerimaan teknologi dalam pendidikan Islam perlu dilihat secara holistik dengan mengambil kira faktor psikologi, sosial dan etika.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa pelajar pengajian Islam secara umumnya menunjukkan tahap kesediaan yang positif terhadap penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam kajian hukum Syariah. Berdasarkan kerangka *Theory of Planned Behavior*, kesediaan ini dipengaruhi oleh sikap positif terhadap AI, sokongan sosial

daripada persekitaran akademik, serta tahap kawalan tingkah laku yang dirasakan oleh pelajar.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini turut menegaskan bahawa penggunaan AI dalam kajian hukum Syariah perlu disertai dengan kefahaman etika dan kawalan ilmiah yang jelas. AI tidak boleh menggantikan peranan ulama dan pensyarah sebagai autoriti keilmuan, sebaliknya perlu dimanfaatkan sebagai alat bantu yang menyokong proses pembelajaran dan penyelidikan.

Sebagai kesimpulan, integrasi AI dalam pendidikan Islam mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kualiti pembelajaran sekiranya dilaksanakan secara beretika dan berlandaskan prinsip Syariah. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan awal kepada institusi pengajian tinggi Islam dalam merangka penggunaan teknologi AI secara bersepadu dan bertanggungjawab pada masa hadapan.

Sumbangan Pengarang

Hashim, R. dan Samri, N.; menulis dan menyiapkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara bersama.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211
- Chen, L., Chen, P., & Lin, Z. (2023). Artificial Intelligence In Education: A Review Of Empirical Studies On Learners' Acceptance And Behavioral Intention. *Education and Information Technologies*, 28(1), 1–29
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education (Malaysia).
- Ibrahim, R., & Ariffin, A. (2019). Students' Acceptance Of Educational Technology In Higher Learning Institutions: An Empirical Study. *International Journal of Education and Practice*, 7(3), 210–223
- Ismail, S., Ariffin, H. S., Ahmad, A., & Abdullah, Z. H. (2025). *Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) Dalam Pendidikan: Peranan Guru Diambilalih?* Penerbit USIM.
- Ismail, S., & Mahmud, Z. (2022). Integrasi teknologi digital dalam pendidikan Islam: Cabaran dan harapan. *Jurnal Pendidikan Islam Malaysia*, 10(3), 77–90.
- Karim, N., & Abdullah, H. (2023). Pengaruh norma sosial terhadap penerimaan teknologi dalam kalangan pelajar Islam. *Malaysian Journal of Education and Technology*, 11(2), 56–68.

- Muhammad Hazim Mohd Azhar, Mohamad Fikri Mohd Bakri, Khadher Ahmad, & Muhammad Ikhlas Rosele. (2025). Etika dan had penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam tafsir al-Quran menurut kerangka epistemologi ilmu Islam. *Quranica: International Journal of Quranic Research*, 14(Special Issue), 97–124.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2025). *Majlis tausiah: Penggunaan AI dalam fatwa*. <https://muftiwp.gov.my/ms/arkib/pejabat-mufti-wilayah-persekutuan/6117-majlis-tausiah-penggunaan-ai-dalam-fatwa>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2025, July 24). *Tinta Mufti bil. 10/2025: Teknologi AI bakal menjadi manusia?* <https://www.muftiwp.gov.my/ar/arkib/tinta-mufti/6327-tinta-mufti-bil-10-2025-teknologi-ai-bakal-menjadi-manusia>
- Rahman, T. F. N. T. A., & Zulkifli, H.(2025). Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Pengajaran Bidang Al-Quran Di Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Literatur. *International Journal of Modern Education*, 7(28), 238-252
- Salleh, F. N. M., Azman, N. A. A., Abdullah, N. I., Rani, N. H. A., Asyikin, N. A., & Lee, A. I. (2025). Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Kesan Terhadap Pembelajaran Dan Kebergantungan Akademik. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 8(1), 82-99.
- Teo, T. (2011). *Factors Influencing Teachers' Intention To Use Technology: Model Development And Test*. Computers & Education.
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). *User Acceptance Of Information Technology: Toward A Unified View*. *MIS quarterly*, 425-478.